

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 JUNE 2017

Bakal membawa era baharu bagi penduduk luar bandar di Pantai Timur

ECRL projek 'tukar minda'

Um-15/6/2017 Pg.3

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

sofian.baharom@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 14 JUN**

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bukan sahaja dilihat sebagai sebuah projek *game changer* (penukar permainan) tetapi juga *mindset changer* (penukar minda).

Perdana Menteri berkata, ECRL bakal membuka minda orang luar bandar di wilayah Pantai Timur bahawa era moden telah tiba di kawasan mereka.

"Beberapa bulan lalu, saya telah terlibat dengan program di Bachok, Kelantan dan apabila penduduknya melihat rupa bentuk tren tersebut, mereka

tidak dapat bayangkan perkhidmatan rel yang sebegitu moden dan canggih ini berada di wilayah mereka.

"Apabila saya tengok reaksi mereka ini, saya melihat projek ini bukan sahaja sebagai *game changer* tetapi juga *mindset changer* yang mana ia membuka minda orang luar bandar di Pantai Timur bahawa era moden telah tiba bagi rantau mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perasmian Latihan Industri Projek ECRL Negaraku di Kementerian Kewangan, di sini hari ini.

Dalam majlis itu, sebanyak 13 memorandum persefahaman (MoU) telah dipersetujui dan upacara pertukaran dokumen

telah dilakukan.

MoU antara Malaysia Rail Link (MRL) dengan Syarikat Komunikasi dan Pembinaan China (CCCC) serta institusi pengajian tinggi awam tempatan adalah untuk merealisasikan kerjasama industri dan pihak akademik untuk Program Latihan Kemahiran Industri ECRL.

Ia bertujuan menyediakan serta meningkatkan kemahiran graduan tempatan untuk diambal bekerja oleh kontraktor ECRL dan industri kereta api.

Sementara itu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, berdasarkan kajian pihaknya, sebanyak 95 peratus responden menyokong pelaksanaan projek tersebut sekali gus menunjukkan ia mendapat

sokongan dan dorongan daripada rakyat.

Dalam pada itu, beliau menambah, Program Latihan Industri Projek ECRL Negaraku merupakan keberhasilan usaha kerajaan membawa pembangunan setara ke wilayah Pantai Timur.

Menurutnya, sebanyak 3,600 anak tempatan bakal menjalani program latihan industri yang memfokuskan kepada memenuhi keperluan kerja dalam bidang rel dan kereta api ECRL.

"Moga program latihan ini memberi isyarat yang jelas bahawa projek ini mendatangkan manfaat yang besar kepada rakyat Malaysia di samping mengeratkan hubungan bilateral kita dengan China," katanya.



Apabila saya tengok reaksi mereka ini, saya melihat projek ini bukan sahaja sebagai *game changer* tetapi juga *mindset changer* yang mana ia membuka minda orang luar bandar di Pantai Timur bahawa era moden telah tiba bagi rantau mereka."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri